

# TEKS UCAPAN

## FOR PEACE MEDIA DAY FESTIVAL

(PPP-101) – 28 Feb 2014

Oleh  
ABU HAFEZ AL HAKIM



เอกสารประกอบ  
**PEACE MEDIA DAY**

**PPP101: Pa(t)tani Peace Process**

10 ปีความรุนแรง, 1 ปี สนับสนุนติภาพชัยแណดี้ต้า/ป่าตานี

27-28 FEB 2014 @Comm-Sci PSU Pattani

## **TEKS UCAPAN – PEACE MEDIA DAY FESTIVAL (PPP-101) – 28 Feb 2014.**

Oleh

**ABU HAFEZ AL HAKIM**

*Bismillah Al Rahman Al Rahim*

Tuan Pengerusi

Para pembicara dan tetamu terhormat

Hadirin sekalian

*Asslamualaikum , Salam sejahtera*

Terlebih dahulu dirakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur kerana memberi peluang dan ruang kepada kami, Pejuang Patani, untuk mengutarakan pandangan di dalam Peace Media Day Festival ( PPP-101) pada hari dan tempat yang mulia ini.

**1**

Adalah tidak lengkap sekiranya dalam perhimpunan penting sebegini suara dan pandangan daripada pihak Pejuang Patani tidak didengari , sedangkan sudah sekian lama kami gigih berusaha membela nasib Bangsa Melayu Patani, menitiskan keringat dan bermandi darah, membela maruah agama,bangsa dan tanah air.

Sebelum berbicara lebih lanjut perlu diingatkan kepada hadhirin semua bahawa isu pergolakan di Patani ini bukanlah sekadar berusia 10 tahun kebelakangan. Malah ia sebenarnya adalah suatu konflik politik, sejarah dan sosial yang telah berlanjutan lebih 200 tahun. Ini juga berarti bahawa penderitaan dan keperitan hidup yang dirasai oleh Bangsa Melayu Patani di bawah penjajahan adalah jauh lebih lama dan lebih pedih daripada apa yang dideritai oleh etnik-etnik lain di Patani, terutamanya etnik Thai-Buza, sejak tahun 2004 sehingga sekarang. **Kami sebenarnya memusuhi kerajaan penjajah Thai, bukan rakyatnya.**

Perlu ditegaskan juga bahawa pihak Pejuang memilih perjuangan bersenjata untuk membela nasib Bangsa Melayu Patani kerana pada masa lampau mana-mana pemimpin kami yang



berjuang secara parlimentari atau tuntutan Hak Asasi Manusia, seringkali menghadapi tindakan keras daripada pihak kerajaan yang tidak mahu mendengar rintihan rakyat. Mereka ditangkap dan dipenjarakan. Ada yang dibunuh dan ramai pula yang terpaksa berlindung di luar negara. Keadaan sedemikian, malangnya, masih lagi berlaku hingga saat ini.

Hadirin sekalian

Penglibatan pejuang Patani dalam proses damai dengan kerajaan Thai sebenarnya bukanlah perkara baru. Sebelum Proses Damai Kuala Lumpur yang terkini ,kedua belah pihak sudah lama bersemuka ,secara tidak rasmi, dalam beberapa proses yang diusahakan oleh beberapa kerajaan dan badan bukan kerajaan(NGO) . Namun boleh dikatakan bahawa kesemua menemui jalan buntu sebaik sahaja ia bermula. Sekadar menyebut beberapa nama seperti Geneva, Bogor, Langkawi dan seumpamanya, untuk mengingatkan kita bahawa sebarang proses yang tidak diuruskan dengan baik, cermat dan bijaksana akan menemui kegagalan. Nasib yang sama mungkin akan menimpa Proses Damai Kuala Lumpur sekiranya semua pihak terlibat dalam proses ini tidak mengambil iktibar dan pengajaran daripada kelemahan dan masaalah yang dihadapi oleh proses-proses lalu.

2

Pengendalian proses-proses damai yang telah lepas adalah secara sulit dan melibatkan perwakilan yang tidak begitu jelas bidang kuasa atau sesahihannya. Kedua pihak datang ke meja dengan agenda yang berbeza. Pihak Pejuang datang untuk mengukur sejauh mana keikhlasan dan kesungguhan kerajaan Thai dalam usaha menyelesaikan konflik , manakala pihak Thai pula datang untuk,selain merisik rahsia, menilai sejauh mana kemampuan pihak pejuang dapat menguasai gerakan militan di lapangan,dengan matlamat sebenar ialah menghapuskan keganasan. Pengiktirafan bagi pejuang sebagai pihak yang berkepentingan dalam konflik ini tidak ada. Ertinya pejuang masih dianggap sebagai pengganas.

Lain sedikit dengan Proses Damai Kuala Lumpur. Apa pun kontroversi yang berkisar sekitar pemulaannya , ia adalah terbuka, didahului oleh pengumuman secara rasmi oleh kerajaan Thai dibawah pimpinan (bekas) Perdana Menteri Ying Luck Shinawatra, dengan perwakilan peringkat tinggi (Setiausaha Majlis Keselamatan Negara Thai) bersama pihak Malaysia sebagai Pemudahcara (Facilitator) . Pihak pejuang pula diberi pengiktirafan sebagai " **mereka yang**



mempunyai pandangan dan ideologi berbeza daripada kerajaan " dengan Ustaz Hassan Taib dari BRN(Barisan Revolusi Nasional )sebagai wakil pejuang. Inilah pertama kali sebuah proses Damai Patani dianggap rasmi dan diterima baik oleh semua pihak sama ada serantau atau antarabangsa.

Walaupun pihak Pejuang " diikat" dengan kerangka Perlembagaan Thai dalam "PERSETUJUAN UMUM MENGENAI PROSES DIALOG "( The General Consensus on Dialogue Process) pada upacara tanda tangan (28/2/13) kami tetap datang ke meja dialog untuk mencari jalan alternatif, selain penggunaan senjata, satu penyelesaian **yang ADIL ,MENYELURUH dan BERKEKALAN** bagi konflik Patani. Kami beranggapan bahawa pengurangan, malah pemberhentian langsung, kekerasan dari kedua belah pihak boleh dicapai melalui dialog dan perundingan, seterusnya penentuan status sebenar Patani pada masa hadapan.

Memang pada awalnya sebahagian daripada pejuang masih ragu-ragu tentang proses ini terutamanya apabila ia dikatakan melibatkan seorang bekas Perdana Menteri Thai yang telah banyak menguris hati orang Patani dalam Teragidi Krisek dan Tak Bai. Tetapi kami tetap menyahut seruan itu kerana Islam telah mengajar kita supaya menyambut tawaran perdamaian apabila dihulurkan oleh musuh . Satu petikan daripada Al-Quran berbunyi :" **Dan sekiranya musuh cenderung kepada perdamaian, maka hendaklah kamu juga menyambutnya, dan bertawakkal kepada Allah**" ayat 61 dari Surah Al-Anfaal . Oleh itu kami terus melangkah masuk, sementara mereka yang masih ragu-ragu itu akan tunggu dan lihat.

Apabila proses bermula dengan pertemuan pertama (28/3/13) dan kedua (29/4/13) perbincangan hanya berkisar mengenai perkara-perkara asas dalam proses dialog damai. **Tidak ada tawar menawar dan jauh sekali rundingan seperti tanggapan sesetengah pihak.** Seharusnya permulaan sebegini didahului dengan proses membina keyakinan (confidence building) antara dua pihak, secara sulit. Tapi apa yang berlaku pada peringkat seawal ini pihak media ,terutama media Thai,sudah menggembarkan dengan pelbagai berita yang lebih kepada andaian, kritikan , tomahan dan pemberitaan yang tidak membina dan berat sebelah. Pihak delegasi Thai juga sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang "terlajak" sebelum dan selepas setiap kali perjumpaan. Sesetengah pemimpin



Thai juga tidak sekata dalam memberi kenyataan hingga jelas benar tiada pendirian dan kesatuan yang kukuh di kalangan mereka. Keadaan ini bukan sahaja tidak membantu menolak proses ini ke hadapan malah meletakan proses ini dalam keadaan tidak menentu. Memandangkan tidak nampak "peta jalan"( Road Map) yang jelas dalam proses ini pihak pejuang pula telah mula bersuara melalui "You-Tube" pada 27/4/13, mengutarakan Tuntutan Awal 5 perkara dengan tujuan **meletakan proses ini pada landasan yang betul**. Ianya kemudian dikemukakan secara rasmi ke meja dialog pada perjumpaan ke dua pada 29/4/13.

Pihak Thai juga dilihat hanya berminat untuk mencari jalan supaya pihak pejuang berhenti atau mengurangkan kekerasan. Ini jelas pada mesyuarat kali ke 3 (13/6/2013) pihak Thai telah mencadangkan langkah pengurangan operasi kekerasan bagi kedua pihak, atau gencatan senjata terhad, sepanjang bulan Ramadhan, dikenali sebagai "Initiatif Damai Ramadhan". Pihak pejuang pula secara spontan menyahut cabaran itu dengan penambahan beberapa syarat.

Hadirin sekalian

4

Kita semua sedia maklum apa kesudahan dengan "Initiatif Damai Ramadhan" itu. Ia mengajar kita bahawa *sesuatu perkara yang amat penting jika hendak dilaksanakan perlu dirancang, dibincang, diperhalusi, dipersetujui dan diperakui secara bersama terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan.*

Pada penelitian kami, ada beberapa **kelemahan ketara** dalam Initiatif Damai Ramadhan ini . Antaranya ia diadakan secara tergesa-gesa ,pra-matang tanpa melepas tempuh "confidence-building" terlebih dahulu. Tiada perbincangan, penyusunan dan perancangan yang teliti sebagaimana lazimnya suatu usaha gencatan senjata yang lain antara kedua pihak.

Pengumumannya pula hanya oleh satu pihak (fasilitator) tanpa persetujuan penuh kedua-dua pihak terhadap terma dan syarat yang terkandung di dalam "**Terma Initiatif Damai Ramadhan 2103**" setebal 7 muka surat. Tidak ada Perjanjian Rasmi , tiada tanda tangan mana-mana pihak, ertiinya pihak bertelaah boleh sahaja mematuhi atau melanggari terma dan syaratnya. Tidak ada pengadil dan tiada pemerhati yang tidak berpihak(neutral) mahu



pun pasukan pemantau (monitoring team) di medan untuk mengenalpasti pihak mana yang melanggari peraturan. Dan akhir sekali tiada menyampaian maklumat secara am kepada rakyat umum akan beberapa perkara dalam terma dan syarat berhubung dengan hak perlindungan kepada mereka dan tempat aduan sekiranya hak itu dicabuli mana-mana pihak.

Yang paling malang ialah berlakunya pembunuhan "extrajudicial killing" terhadap beberapa aktivis atau bekas tertuduh dalam kes keselamatan,yang tidak bersenjata, pada minggu pertama Ramadhan . Ia mendorong pihak pejuang, diwakili anggota angkatan bersenjata BRN, membuat pengistiharan sekali lagi melalui You-Tube pada 6 Ogos 2013, membawa mesej tegas dari Majlis Syura. **Kegagalan pihak Thai mematuhi terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen Initiatif Damai Ramadhan yang mereka sendiri mengusulkannya telah membawa kepada PENGGANTUNGAN kesemua penglibatan pihak pejuang dalam perbincangan rasmi(terbuka) sehingga pihak Thai melangsaikan Tuntutan Awal 5 perkara yang dikemukakan sedikit masa dahulu.**

Pada penghujung bulan Ogos 2013 pihak Thai meminta penjelasan terperinci mengenai Tuntutan Awal 5 perkara dan pihak pejuang telah menghantar huraian setebal 38 muka melalui pihak Fasilitator. Sekali lagi,malangnya, pihak Thai mengambil masa terlalu lama untuk memberi jawapan balas sedangkan suasana di Selatan sendiri tidak menentu dan konflik politik nasional di Bangkok mula berkocak. Surat jawapan Ketua Deligasi Thai bertarikh 25 Oktober 2013 menegaskan bahawa "**Tuntutan Awal 5 perkara itu diterima untuk perbincangan selanjutnya**".

Jawapan itu TIDAK menepati kehendak pihak pejuang kerana tidak disebut secara khusus bahawa **Tuntutan Awal 5 perkara itu diterima secara "perinsip"**, dan ia pula tidak disahkan sebagai "Agenda Nasional" oleh badan perundangan tertinggi negara,iaitu **parlimen Thai sendiri**. Kami kuatir jika Tuntutan Awal 5 perkara itu tidak diterima secara "perinsip" untuk dibincangkan, maka ia mungkin tertolak satu persatu oleh pihak Thai. Ketiadaan pengesahan parlimen juga akan menjadi masalah sekiranya berlaku pertukaran kerajaan berlainan kemudian hari.

Hadirin sekalian



Kini Proses Damai KL dimomokan oleh banyak pihak sebagai sudah gagal dan berkubur. Ia ditelah berdasarkan konflik politik Thailand yang belum berkesudahan, dan juga "pengunduran" Ketua Deligasi BRN, Ustaz Hassan Taib dalam pengistahan melalui YouTube pada malam 1 Disember 2013.

Perlu diingat bahawa proses ini bermula secara rasmi. Setakat ini tiada sebarang pihak,sama ada pihak Thai, Pejuang (BRN) atau pun Malaysia, telah menyatakan secara rasmi mahu menarik diri. Oleh itu ia boleh dianggap sebagai "tergantung" atas sebab-sebab yang sudah sedia maklum, dan akan digerakan semula apabila semua halangan di semua pihak dapat diatasi.

Pihak pejuang amat komited dengan proses damai ini dan konsisten dengan penyertaan perwakilan yang sedia ada. Pada masa akan datang perwakilan daripada pihak pejuang akan lebih dimantapkan lagi dari masa kesemasa melibatkan semua pihak yang berkepentingan di Patani sebagai mewakili rakyat Patani dengan panggilan **Komuniti Bangsa Melayu Patani**.

Kita ingin melihat penyampaian maklumat , perbincangan dan penyertaan aktif rakyat dari segenap lapisan ,pekerjaan ,latar belakang, etnik dan agama di Patani memahami dan yakin bahawa kedamain itu baik bagi SEMUA penduduk dan rakyat Patani. Kita mahu segala aktiviti NGO dan CSO yang menjurus kearah menyokong proses damai tidak disekat atau diganggu gugat oleh mana-mana pihak .

6

Kita menyeru supaya kerajaan Thai mengamalkan demokrasi tulen dengan membuka peluang dan ruang bagi rakyat semua menyatakan hasrat dan keinginan sebenar mereka tentang apa sahaja, selagi tidak menggunakan kekerasan, yang mereka inginkan untuk kebaikan mereka mengenai cara hidup mereka,mengenai masa hadapan mereka, hatta mengenai keinginan mereka untuk mendapatkan hak menentukan nasib sendiri ( Right to Self-Determination) atau merdeka sekali pun. **Adalah lebih baik dan waras bagi sebuah kerajaan itu menghadapi rakyatnya dan berhujjah dengan kata-kata dan pemikiran daripada bermusuhan dengan peluru dan bom.** Adalah lebih munasabah kita mula berbicara mengenai perdamaian pada hari ini sehingga 10-15 tahun lagi daripada terus berperang 20-30 lagi baru hendak mula berdamai.



Kita juga menyeru supaya " pihak yang mempunyai pandangan dan ideologi berbeza daripada kerajaan " khususnya pejuang ,diberi peluang dan ruang untuk datang ke Patani bertemu dan berbicara dengan rakyat Patani khasnya dan dengan rakyat Thai amnya. Kita menunggu suatu hari dimana pihak pejuang akan diberi penghormatan untuk berucap di parlimen Thai kepada seluruh rakyat Thai bahawa kami sebenarnya mencari KEADILAN, KEBEBASAN dan KEDAMAIAN.

Kami mengakhiri ucapan hari ini dengan petikan di akhir ucapan oleh bekas Pengurus Pertubuhan Pembebasan Palestin(PLO) Allahyarham Yasser Arafat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) pada 13 November 1974 :

**"Hari ini saya datang membawa ranting Zaitun dan selaras pistol pejuang. Jangan biarkan ranting Zaitun ini terjatuh dari genggaman saya "**

dan diakhiri dengan kata-kata " Perang tercetus di Palestin, dan di Palestin juga akan lahir kedamaian ".

7

Dengan nada yang serupa pada hari ini kami berkata :

*"Hari ini kami datang membawa BUNGA RAYA sebagai simbol kedamaian, tanpa membawa senjata . Perang juga telah meletus di Patani , dan di Patani juga akan lahir kedamaian sesuai dengan gelarannya PATANI DARUSSALAM "*

Sekian,Wassalamualaikum , Salam sejahtera

Terima Kasih

**ABU HAFEZ AL HAKIM**

( Dari Luar Pagar Patani - wakil Pejuang Patani di meja dialog )

28 Feb 2014.

